

ARKIB : 02/11/2001

### Melahirkan pelajar cemerlang bermoral tinggi

TANGGUNGJAWAB institusi sekolah hari ini semakin berat kerana ia bukan sekadar melahirkan pelajar cemerlang semata-semata.

Sebaliknya, institusi itu kini memainkan peranan melahirkan pelajar cemerlang yang mempunyai nilai moral dan etika yang tinggi.

Rumusan itu diputuskan daripada pendapat tiga ahli panel menerusi forum bertajuk Kesepaduan Pengurusan dan Kepemimpinan Pendidikan: Keperluan dan Tuntutan di Seminar Nasional Pengurusan Dan Kepemimpinan Pendidikan Ke-10 di Institut Aminuddin Baki (IAB) Genting Highlands, Pahang semalam.

Secara keseluruhan, mereka mahu pihak pengurusan sekolah berusaha melahirkan pelajar cemerlang, berkualiti, bermoral, beretika dan berhemah tinggi.

Ahli panel pertama, Penolong Ketua Pengarah Institut Kemajuan Islam Malaysia (IKIM), Datuk Dr. Abdul Monir Yaacob berkata, dahulu Kementerian Pendidikan dikenali sebagai Kementerian Pelajaran yang maksudnya pendidikan hanya melahirkan pelajar berjaya.

Tetapi selepas nama itu ditukar kepada Kementerian Pendidikan, peranan dan tanggungjawab sekolah kini ialah melahirkan pelajar 9A1 yang memiliki sifat-sifat terpuji seperti bersahsiah tinggi, bermoral dan beretika.

``Saya berasa yakin ibu bapa menyerahkan anak-anak ke sekolah dengan harapan guru dapat mendidik mereka menjadi insan yang lebih baik," katanya pada forum itu.

Forum itu dipengerusikan oleh Timbalan Pengarah Pusat Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pendidikan, Dr. Rohani Abdul Hamid.

Sementara itu ahli panel kedua, Pengarah Institut Pengetua, Universiti Malaya, Prof. Dr. Rahimah Ahmad berkata, terdapat empat perkara yang wujud dalam organisasi sekolah iaitu pengurus dan, kepemimpinan, keperluan dan tuntutan.

Menurutnya, sekolah seharusnya berusaha membangun insan yang maju dan memiliki nilai-nilai mulia serta mampu menerajui masyarakat terbangun.

``Kita mahu membina masyarakat Malaysia menerusi konsep pengurusan dan kepemimpinan mengikut acuan tempatan," katanya.

Justeru katanya, sesiapa sahaja yang diberi tanggungjawab memimpin dan mengurus sekolah mesti melaksanakannya dengan penuh efisien, sempurna dan memastikannya berjalan lancar.

Sehubungan itu katanya, seorang pengetua dan guru besar yang berjaya ialah mereka yang boleh mengurus, menyelia kurikulum, kokurikulum dan menjadi pemimpin pada satu masa yang sama.

Dr. Rahimah turut membincangkan perkara berhubung amalan dalam pengurusan dan kepemimpinan yang menurutnya kreativiti dan gerak hati untuk melakukan perkara baik perlu ada pada setiap pengetua dan guru besar.

Justeru katanya, mereka perlu melakukan sesuatu dengan sabar dan niat yang baik, beretika dan penuh bermoral.

Ahli panel ketiga, Pengetua Sekolah Menengah Kebangsaan Victoria, Kuala Lumpur, Baharom Kamari pula membincangkan masalah yang terpaksa dihadapi oleh pengetua, antaranya berkaitan soal birokrasi.

Jelasnya, sekolah menghadapi masalah apabila ada di antara peraturan dan arahan pegawai atasan mengganggu kelancaran perjalanan sekolah.

Misalnya, ada guru diarahkan menyelia pertandingan sehingga menjelang musim peperiksaan sebenar.

``Arahan itu wajib dipatuhi tetapi pada masa yang sama ia menjelaskan perancangan sekolah yang sedang bersiap sedia menjalankan peperiksaan," katanya.

Selain itu katanya, perubahan dalam pendidikan tidak boleh disamakan dengan industri kerana industri cepat berubah, misalnya dalam tempoh setahun dua model kereta baru dapat dikeluarkan.

Dalam pendidikan, jelasnya, ia tidak boleh berlaku kerana kesannya perlu dipikul oleh sekolah.

``Belum sempat seseorang guru menguasai perubahan, beliau sudah diarahkan ditukar ke sekolah lain.

``Cara itu salah kerana ia mengikut model industri sedangkan perubahan dalam pendidikan perlu mengambil kira ciri-ciri yang telah mantap iaitu menjadikan pendidikan negara bertaraf dunia," katanya.

Artikel Penuh:

[http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2001&dt=1102&pub=utusan\\_malaysia&sec=Pendidikan&pg=pe\\_02.htm#ixzz2vo7CIJ1j](http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2001&dt=1102&pub=utusan_malaysia&sec=Pendidikan&pg=pe_02.htm#ixzz2vo7CIJ1j)

© Utusan Melayu (M) Bhd